# GARIS PANDUAN PROGRAM PENGUKUHAN EKSPORT PKS: INISIATIF GERAN PADANAN

## GALAKAN EKSPORT BUMIPUTERA – GEB
## SMEs GO GLOBAL – SMEGG

## GARIS PANDUAN BANTUAN KEWANGAN (INISIATIF GERAN PADANAN)

i. Bantuan Kewangan untuk setiap syarikat meliputi **50% daripada jumlah kos layak** atau **maksimum RM250,000.00 (GEB)** dan **RM200,000.00 (SMEGG)** atau **yang mana lebih rendah**, **berdasarkan pembayaran balik**.

ii. **Kelulusan untuk pembayaran balik** adalah bagi projek yang telah dilaksanakan (*projek pasca*) dan berdasarkan pembayaran telah dibuat oleh syarikat. Kos yang dipohon mestilah melebihi RM100,000.00 untuk layak dipertimbangkan.

iii. Tempoh pelaksanaan projek yang layak dituntut adalah dari **1 Januari 2024 sehingga tarikh permohonan**.

iv. **Tiada percanggahan kepentingan** antara pemohon dan pembekal / penyedia perkhidmatan / anak syarikat / subsidiari / dan atau yang setara dengannya.

v. Permohonan yang diterima daripada **pemilik / pemegang saham majoriti yang sama** tidak layak dipertimbangkan.

vi. Syarikat perlu menghantar **dokumen tuntutan yang lengkap** beserta butiran perbelanjaan dan bukti pelaksanaan projek selepas permohonan diproses dan menghadiri klinik perniagaan.

vii. Aktiviti yang telah dilaksanakan melalui inisiatif lain yang telah diluluskan di bawah Program Pengukuhan Eksport PKS, tidak boleh dituntut di bawah program ini.

*PENAFIAN:*

1. *Semua komitmen dan bantuan yang diberikan di bawah Program ini adalah tertakluk kepada ketersediaan dana. SME Corp. Malaysia berhak untuk menghentikan atau menggantung Program, atau mengubah kandungan atau format Program, pada bila-bila masa tanpa notis kepada mana-mana pihak, serta menuntut pemberhentian segera sebarang penggunaan khusus Program ini. SME Corp. Malaysia berhak untuk menggantung, menamatkan atau menyekat akses awam kepada Program ini pada bila-bila masa. SME Corp. Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh mana-mana pihak yang menyertai Program ini.*

2. *Sila ambil perhatian bahawa SME Corp. Malaysia tidak pernah melantik perunding / pihak ketiga bagi syarikat mengemukakan permohonan di bawah Program ini. Sekiranya didapati syarikat menggunakan perunding / pihak ketiga, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan / menarik balik permohonan syarikat secara automatik.*

*AMARAN:*

1. *Mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan bagi tujuan memperdayakan SME Corp. Malaysia adalah satu jenayah di bawah Kanun Keseksaan, dengan penaltinya adalah termasuk hukuman penjara dan sebatan serta boleh dikenakan denda. Di samping itu, SME Corp. Malaysia boleh menidakkan apa-apa faedah atau bantuan jika maklumat palsu dikaitkan dengan suatu permohonan.*

2. *SME Corp. Malaysia juga ingin menarik perhatian mengenai Peruntukan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 iaitu suatu peruntukan yang menetapkan prinsip liabiliti korporat yang mana organisasi komersial adalah melakukan suatu kesalahan jika mana-mana pekerja dan / atau pihak bersekutunya melakukan rasuah untuk faedah organisasi tersebut. Organisasi komersial tersebut boleh disifatkan bersalah dalam keadaan sama ada atau tidak, pihak pengurusan atasannya atau wakilnya tahu tentang kelakuan rasuah yang dilakukan oleh pekerja atau pihak bersekutunya.*

| KOMPONEN PROGRAM PENGUKUHAN EKSPORT PKS : INISIATIF GERAN PADANAN |
| --- |
| 1. Khidmat Nasihat & Bimbingan Pakar Eksport<br>2. Pengurusan Premis Di Luar Negara<br>3. Pembuatan Prototaip Produk Untuk Pembeli Luar Negara<br>4. Perkhidmatan Pembungkusan Eksport<br>5. Lawatan Audit Pembeli Antarabangsa Ke Malaysia<br>6. Aktiviti Penerokaan Pasaran Di Luar Negara<br>7. Pensijilan & Pematuhan Piawaian Antarabangsa<br>8. Latihan / Kursus / Seminar / Persidangan Berkaitan Eksport<br>9. Produktiviti dan Automasi |

**1. KHIDMAT NASIHAT & BIMBINGAN PAKAR EKSPORT**
**(50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM100,000.00)**

| SUB KOMPONEN | AKTIVITI YANG DIBENARKAN | AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK |
| --- | --- | --- |
| a) Perkhidmatan Pakar Eksport berdaftar | • Perkhidmatan oleh Pakar Eksport yang membantu produk / perkhidmatan tempatan menembusi pasaran Antarabangsa.<br>• Jenis perkhidmatan yang layak:<br>- Pemasaran & promosi<br>- Pemadanan syarikat dengan pembeli antarabangsa yang berpotensi | • Aktiviti untuk pasaran tempatan<br>• Sebarang Cukai Kerajaan Malaysia |

| 1. KHIDMAT NASIHAT & BIMBINGAN PAKAR EKSPORT<br>(50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM100,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| | - Mengatur mesyuarat dengan pelanggan<br>- Demo & persembahan produk<br>- Mengatur perkongsian<br>- Yuran perundingan dan yuran guaman | |
| b) Perkhidmatan pakar (syarikat berdaftar) dalam kajian, penyediaan & pelaksanaan Pelan Eksport | Jenis perkhidmatan yang layak:<br><br>- Membangun, menyediakan dan menambahbaik Rancangan Eksport Perniagaan Syarikat<br>- Membantu pelaksanaan Rancangan Eksport dalam tempoh projek<br>- Yuran perundingan dan yuran guaman<br>- Dokumen Perundangan termasuk penterjemahan. | • Sebarang Cukai Kerajaan Malaysia |

| 2. PENGURUSAN PREMIS DI LUAR NEGARA<br>(50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM100,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| Kemudahan premis perniagaan di luar negara | Jenis perkhidmatan yang layak:<br>• Sewaan<br>- Sewa bulanan sehingga 6 bulan termasuk deposit sewa<br>- Hanya untuk premis yang telah beroperasi tidak melebihi 3 tahun<br>- Mesti bangunan jenis komersil<br>• Pengubahsuaian Premis<br>- Kos pengubahsuaian dan kos berkaitan bagi tujuan penubuhan premis perniagaan<br>• Kos Pendaftaran syarikat di luar negara atau kos perkhidmatan ejen pendaftaran / *company secretary* untuk pendaftaran syarikat di luar negara | • Sebarang cukai Kerajaan Malaysia<br>• Pejabat cawangan, *sublet* |

| 3. PEMBUATAN PROTOTAIP PRODUK UNTUK PEMBELI LUAR NEGARA (50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM200,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| a) Pembangunan Prototaip | Jenis perkhidmatan yang layak:<br>• Pembangunan reka bentuk sistem bagi penghasilan prototaip<br>• Bahan yang digunakan untuk penghasilan prototaip<br>• Pembinaan dan fabrikasi mesin bagi menyokong penghasilan prototaip (mesti berada di premis)<br>• Pembangunan prototaip boleh dilakukan di dalam atau luar negara<br>• Penyewaan makmal / inkubator / bengkel untuk ujian<br>• Acuan untuk pembangunan prototaip<br>• Kos perundingan dan pemasangan bagi sistem / reka bentuk lukisan *(drawing design)* & kos lain bagi perkhidmatan berkaitan jika dibuat oleh konsultan luar *(outsourced)* | • Penghasilan prototaip untuk tujuan jualan<br>• Prototaip untuk pasaran domestik<br>• Perbelanjaan untuk tujuan kajian dan penyelidikan (R&D)<br>• Sebarang cukai Kerajaan Malaysia |
| b) Pengujian prototaip | Jenis perkhidmatan yang layak:<br>• Pengujian perlu dilakukan oleh badan pengujian yang diiktiraf Cth : SIRIM, SGS<br>• Pengujian boleh dilakukan di dalam dan luar negara | • Sebarang cukai Kerajaan Malaysia<br>• Kos jika ujian dibuat secara dalaman *(inhouse)* |

| 3. PEMBUATAN PROTOTAIP PRODUK UNTUK PEMBELI LUAR NEGARA (50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM200,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| | • Kos sewaan makmal / inkubator / bengkel untuk tujuan pengujian | • Pengeluaran berskala besar (lebih dari satu unit) |
| c) Kalibrasi & Pentauliahan *(Commissioning)* | Jenis perkhidmatan yang layak:<br><br>Kalibrasi ke atas peralatan utama sedia ada yang berkaitan dengan pembangunan produk | • Sebarang cukai Kerajaan Malaysia |

| 4. PERKHIDMATAN PEMBUNGKUSAN EKSPORT (50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM150,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| a) Kos Perkhidmatan Rekabentuk | Jenis perkhidmatan yang layak:<br><br>Aktiviti berkaitan inovasi & reka bentuk kreatif dan keselamatan pembungkusan, termasuk prototaip pembungkusan seperti:<br>• kos fotografi professional<br>• kos pendaftaran IP<br>• yuran perundingan | • Sebarang cukai Kerajaan Malaysia |

| 4. PERKHIDMATAN PEMBUNGKUSAN EKSPORT<br>(50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM150,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| b) Percetakan pembungkusan | Jenis perkhidmatan yang layak:<br><br>Percetakan pembungkusan produk baharu atau penambahbaikan pembungkusan produk untuk pasaran antarabangsa | • Bahan cetakan pembungkusan untuk pasaran tempatan<br>• Sebarang cukai Kerajaan Malaysia |

| 5. LAWATAN AUDIT PEMBELI ANTARABANGSA KE MALAYSIA<br>(50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM50,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| a) Tiket Penerbangan Auditor (sekali audit sahaja) | Jenis perkhidmatan yang layak:<br><br>• Tiket Penerbangan kelas ekonomi (pergi dan balik)<br>• Maksimum 2 orang | • Perbelanjaan lain seperti visa dan lebihan bagasi<br>• Perbelanjaan Makanan<br>• Sebarang cukai Kerajaan Malaysia<br>• Pengangkutan darat / *airport transfer* |

| 5. LAWATAN AUDIT PEMBELI ANTARABANGSA KE MALAYSIA<br>(50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM50,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| b) Penginapan Auditor (sekali audit sahaja) | Jenis perkhidmatan yang layak:<br>• Maksimum 2 bilik hotel (untuk penginapan bermalam sahaja)<br>• Maksimum tempoh penginapan – 5 hari<br>• Maksimum kadar bilik RM500 semalam / bilik | • Bilik seminar / latihan<br>• Makanan / dobi / lain-lain kos |

| 6. AKTIVITI PENEROKAAN PASARAN DI LUAR NEGARA<br>(50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM200,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| a) Perkhidmatan jurubahasa dan penterjemah | Jenis perkhidmatan yang layak:<br>• Kos perkhidmatan jurubahasa dan penterjemah (Mesti syarikat yang berdaftar) | • Perbelanjaan yang dibayar ke atas nama individu |
| b) Penjenamaan / Promosi / Pengiklanan | Jenis perkhidmatan yang layak:<br>• Percetakan bahan promosi (brosur, banner, poster, iklan di majalah antarabangsa) mengikut kepada pasaran / negara diterokai | • Bahan percetakan untuk pasaran tempatan<br>• Pengiklanan / promosi untuk pasaran tempatan |

<table>
<tr><th colspan="3">6. AKTIVITI PENEROKAAN PASARAN DI LUAR NEGARA<br>(50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM200,000.00)</th></tr>
<tr><th>SUB KOMPONEN</th><th>AKTIVITI YANG DIBENARKAN</th><th>AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK</th></tr>
<tr><td></td><td>• Pengiklanan di platform digital (cth: FB, X, Instagram, Youtube, Google, TikTok) menggunakan ejen / pembekal berdaftar<br>• Pengiklanan elektronik (cth: TV, radio, digital ads, Search engine optimization (SEO)<br>• Pendaftaran IP di luar negara (termasuk semua kos yang berkaitan bagi tujuan pendaftaran seperti penggredan & pemfailan produk, pencarian paten)<br>• Pembukaan akaun (pendaftaran kali pertama dengan pasaraya besar / rantaian runcit (retail-chain) di luar negara<br>• Pelantikan ejen yang berdaftar di negara terlibat untuk aktiviti promosi luar negara<br>• Ruang sewa (termasuk gondola, ruang legar, kiosk dan lain-lain)<br>• Kos barangan promosi dengan pasaraya besar rantaian runcit (retail chain) di luar negara seperti pensampelan, risalah, iklan akhbar, promosi di kedai dan lain-lain<br>• Kos terlibat dalam aktiviti promotional wrapping seperti di bas, teksi dll termasuk kos reka bentuk dan pemasangan</td><td>• Pembangunan / penambahbaikan laman web syarikat<br><br>• Sebarang Cukai Kerajaan Malaysia</td></tr>
</table>

| 6. AKTIVITI PENEROKAAN PASARAN DI LUAR NEGARA<br>(50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM200,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| c) Penghantaran sampel | Jenis perkhidmatan yang layak:<br><br>• Kos penghantaran sampel kepada pembeli luar negara melalui perkhidmatan kurier (cth: Fedex, DHL) | • Kos penghantaran produk dengan kuantiti yang besar<br><br>• Kos bagasi untuk penghantaran sampel<br><br>• Kos-kos lain (cth *certificate of origin* / analisa)<br><br>• Sebarang cukai Kerajaan Malaysia |
| d) Yuran Penyenaraian Produk | Jenis perkhidmatan yang layak:<br><br>• Kos penyenaraian produk yang dikenakan oleh rantaian runcit (*retail chain*) di luar negara | • Yuran penyenaraian untuk rantaian runcit tempatan |
| e) Urusniaga Rentas Sempadan:<br>Kos penghantaran stok ke luar negara | Jenis perkhidmatan yang layak:<br><br>Kos pengangkutan bagi menghantar stok ke pasaran yang diterokai:<br>- Pengangkutan laut<br>- Pengangkutan udara<br>- Pengangkutan darat | • Sebarang cukai Kerajaan Malaysia<br><br>• Kos penghantaran darat dalam negara |

| 6. AKTIVITI PENEROKAAN PASARAN DI LUAR NEGARA<br>(50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM200,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| | (Hanya untuk sekali penerokaan bagi setiap pasaran) | |
| f) Urusniaga Rentas Sempadan:<br>Kos logistik ke luar negara (pergudangan) | Jenis perkhidmatan yang layak:<br>• Penyewaan gudang (pusat pengumpulan & pengedaran produk)<br>• Sewaan bulanan selama 6 bulan termasuk deposit sewa | • Sebarang cukai Kerajaan Malaysia |

| 7. PENSIJILAN & PEMATUHAN PIAWAIAN ANTARABANGSA<br>(50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM200,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| a) Kos pensijilan antarabangsa (termasuk latihan dan ujian produk) | Jenis perkhidmatan yang layak:<br>• Yuran pendaftaran / permohonan oleh badan pensijilan (tempatan / antarabangsa)<br>• Sebarang kos yang berkaitan dengan prosedur pensijilan<br>• Kos latihan dan perundingan yang berkaitan | • Sebarang cukai Kerajaan Malaysia<br>• Kos pembaharuan pensijilan<br>• Kos pengangkutan & penginapan |

| 7. PENSIJILAN & PEMATUHAN PIAWAIAN ANTARABANGSA (50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM200,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| | • Pensijilan untuk versi yang ditingkatkan / ditambahbaik (contoh.: ISO9001: 2015 adalah versi ditambahbaik bagi ISO9001:2008)<br>• Kos pendaftaran produk / pensijilan di luar negara oleh Badan Berdaftar (cth: BPOM, FDA dll)<br>(Mesti dijalankan oleh Badan Pensijilan yang diiktiraf) | • Kos pensijilan untuk cawangan syarikat<br>• Kos operasi syarikat seperti permit pekerja |
| b) Pengubahsuaian premis di Malaysia bagi mematuhi keperluan piawaian antarabangsa / permintaan pembeli luar negara | Jenis perkhidmatan yang layak:<br>• Kos pengubahsuaian premis bagi mematuhi keperluan piawaian / permintaan pembeli luar negara untuk *production area / storage* sahaja<br>(Hanya untuk premis sedia ada (1 sahaja)) | • Kos pengubahsuaian selain daripada *production area*<br>• Sebarang cukai Kerajaan Malaysia |
| c) Ujian & Kalibrasi | Jenis perkhidmatan yang layak:<br>Ujian / kalibrasi berkaitan bagi pematuhan kepada pasaran / negara luar | • Sebarang cukai Kerajaan Malaysia |

| 8. LATIHAN / KURSUS / SEMINAR / PERSIDANGAN BERKAITAN EKSPORT (50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM20,000.00) | | |
|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** |
| Menyertai latihan / kursus / Seminar / persidangan / berkaitan eksport yang dijalankan di dalam atau luar negara | Jenis perkhidmatan yang layak:<br><br>Penyertaan untuk pekerja bagi setiap syarikat (maksimum 2 orang)<br>• Yuran penyertaan<br>• Kos perkhidmatan jurubahasa melalui syarikat berdaftar | • Sebarang cukai Kerajaan Malaysia<br><br>• Kos Latihan yang boleh dituntut di bawah skim HRDF (HRDF *claimable training)*<br><br>• Perkhidmatan sewa kereta<br><br>• Kos logistik seperti tiket penerbangan & penginapan<br><br>• Kos bukan individu |

| 9. PRODUKTIVITI DAN AUTOMASI (50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM200,000.00) | | | |
|---|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** | **DOKUMENTASI TUNTUTAN** |
| Mesin & Peralatan<br><br>Termasuk mesin yang boleh dinaik taraf (*retrofitted*), ditambah teknologi dan didigitalkan. | Perkhidmatan seperti:<br>• Mesin berkaitan dengan produktiviti dan automasi sahaja.<br>• Termasuk ujian, commissioning & latihan berkaitan penggunaan mesin / peralatan (berkaitan pembelian).<br>• Pembelian lebih daripada satu unit dengan spesifikasi yang sama dibenarkan sekiranya dapat mengoptimumkan pengeluaran / perkhidmatan syarikat.<br>• Pembelian mesin dan peralatan berkaitan operasi teras dan keperluan perniagaan sahaja. | • Cukai SST / Duti atau sebarang bentuk cukai.<br>• Mesin & peralatan terpakai atau mesin & peralatan dibaik pulih yang melebihi 5 tahun dari tarikh pembuatan.<br>• Pembelian mesin & peralatan yang ditempatkan di entiti perniagaan lain.<br>• Pembelian jentera, kenderaan, infrastruktur, perabot. Kemudahan bangunan seperti kad akses, penghawa dingin dan sistem CCTV (kecuali diperlukan oleh industri tertentu) | • Inbois dan resit pembelian mesin & peralatan<br>• Gambar penempatan mesin & peralatan selepas pembelian<br>• Dokumen yang membuktikan syarikat mengeksport ke luar negara seperti PO, inbois kepada pembeli, resit kepada pembeli dan yang berkaitan |

| 9. PRODUKTIVITI DAN AUTOMASI<br>(50% DARI KOS KESELURUHAN GERAN MAKSIMUM SEBANYAK RM200,000.00) | | | |
|---|---|---|---|
| **SUB KOMPONEN** | **AKTIVITI YANG DIBENARKAN** | **AKTIVITI / KOS TIDAK LAYAK** | **DOKUMENTASI TUNTUTAN** |
| | • Kelulusan akan diberikan berdasarkan harga pasaran mesin & peralatan dan kepada syarikat yang mengeksport sahaja.<br><br>• Mesin & peralatan terpakai yang tidak melebihi 5 tahun dibenarkan tertakluk kepada jaminan yang diberikan oleh Pengeluar Peralatan Asal (OEM). | • Mesin & peralatan di bawah RM1,000 seperti keperluan asas, tiada nilai tambah kepada proses dan boleh dipakai buang (disposable) | |